



BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
اينستيتوت تانه دان اوکور ننگارا
Institut Tanah Dan Ukur Negara
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
(NRES)



MEMO

Kepada:	Pengarah INSTUN
Daripada:	Ketua Bahagian Teknologi Maklumat
No. Fail:	INSTUN.100-8/3/9 ()
Tarikh:	27 Oktober 2025
Perkara:	PERLANTIKAN JAWATANKUASA – JAWATANKUASA BAGI PENGURUSAN ICT INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Selaras dengan keperluan mempertingkatkan kecekapan pengurusan ICT dan memastikan pematuhan kepada dasar serta piawaian kerajaan, satu jawatankuasa khas diwujudkan bagi menyelaraskan perancangan, pelaksanaan, pemantauan serta penambahbaikan berkaitan ICT di INSTUN.

3. Memo ini bertujuan untuk memohon tandatangan tuan bagi pelantikan **Jawatankuasa Bagi Pengurusan ICT Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)** menggantikan surat pelantikan sebelum ini kerana terdapat perubahan beberapa terma dalam Jawatankuasa Pengurusan ICT iaitu :

- **Chief Information Officer (CIO) kepada Chief Digital Officer (CDO);**
- **Dasar Keselamatan ICT kepada Polisi Keselamatan Siber (PKS);**
- **Kementerian Tenaga dan Sumber Asli kepada Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam;**
- **Pelan Strategik ICT kepada Pelan Strategik Pendigitalan.**

Selain itu, terdapat juga perubahan kepada tanggungjawab dalam Jawatankuasa Pengurusan Portal/Laman Web dan Jawatankuasa Teknikal Portal/Laman Web berdasarkan Pekeliling Pendigitalan Perkhidmatan Awam Bilangan 1 Tahun 2025 : Pengurusan Portal/Laman Web Agensi Sektor Awam yang berkuatkuasa pada 12 Ogos 2025.

4. Bersama-sama ini disertakan surat lantikan dan rujukan bidang kuasa jawatankuasa – jawatankuasa seperti di **Lampiran A** untuk makluman dan rujukan tuan.

5. Segala perhatian dan kerjasama tuan berhubung perkara di atas amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah.


(Ts. HJ. ZULKARNAIN BIN KAMARUDDIN)

	BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT ایستیتوت تانه دان اوکور نگارا Institut Tanah Dan Ukur Negara Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)	
---	---	--

MEMO

Kepada:	Senarai Edaran
Daripada:	Pengarah INSTUN
No. Fail:	INSTUN.100-8/3/9 ()
Tarikh:	27 Oktober 2025
Perkara:	PERLANTIKAN JAWATANKUASA – JAWATANKUASA BAGI PENGURUSAN ICT INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Selaras dengan keperluan mempertingkatkan kecekapan pengurusan ICT dan memastikan pematuhan kepada dasar serta piawaian kerajaan, satu jawatankuasa khas diwujudkan bagi menyelaras perancangan, pelaksanaan, pemantauan serta penambahbaikan berkaitan ICT di INSTUN.

3. Memo ini bertujuan untuk memaklumkan pelantikan **Jawatankuasa Bagi Pengurusan ICT Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)** bagi memperkukuhkan tadbir urus, keselamatan, dan pembangunan sistem ICT di institut ini.

4. Bersama-sama ini disertakan surat lantikan dan rujukan bidang kuasa jawatankuasa – jawatankuasa seperti di **Lampiran A** untuk makluman dan rujukan tuan / puan. Justeru itu, dengan lantikan ini diharap agar ahli jawatankuasa yang dilantik dapat memberikan komitmen dan kerjasama sepenuhnya ke arah mempertingkatkan keutuhan pengurusan ICT di jabatan ini.


5. Segala perhatian dan kerjasama tuan / puan berhubung perkara di atas amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(KHAIRIN NAZRY BIN KARIM)

**SENARAI NAMA JAWATANKUASA – JAWATANKUASA
PENGURUSAN ICT INSTUN**

BIL	JAWANKUASA ICT	TANGGUNGJAWAB	AHLI JAWATANKUASA
1	Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)	a. Menetapkan arah tuju dan strategi untuk pelaksanaan keselamatan ICT INSTUN dan semua Jabatan/Agensi di bawahnya; b. Merancang, mengenal pasti dan mencadangkan sumber seperti kepakaran, tenaga kerja dan kewangan yang diperlukan bagi melaksanakan arah tuju dan strategi keselamatan ICT INSTUN c. Merancang, menyelaras dan menyeragamkan pelaksanaan program/projek-projek keselamatan ICT INSTUN supaya selaras dengan Pelan Strategik Pendigitalan INSTUN; d. Memastikan keperluan sumber bagi keselamatan ICT INSTUN adalah mencukupi; dan e. Memastikan pelaksanaan penilaian risiko keselamatan ICT INSTUN.	Pengarah INSTUN
2	Ketua Pegawai Digital (CDO - Chief Digital Officer)	a. Membantu Pengarah dalam melaksanakan tugas-tugas yang melibatkan keselamatan ICT; b. Menentukan keperluan dan bertanggungjawab ke atas perkara-perkara berkaitan dengan keselamatan ICT INSTUN; dan c. Membangun dan menyelaras pelaksanaan program kesedaran dan latihan keselamatan ICT.	Ketua Bahagian, Bahagian Teknologi Maklumat (BTM)

3	Pegawai Keselamatan ICT (ICTSO - ICT Security Officer)	a. Merancang, melaksana, mengurus dan memantau program keselamatan ICT INSTUN; b. Menguatkuasakan Polisi Keselamatan Siber (PKS) INSTUN; c. Memberikan penerangan dan pendedahan berkenaan PKS INSTUN kepada pengguna; d. Mewujudkan garis panduan dan prosedur selaras dengan keperluan PKS INSTUN; e. Melaksanakan pengurusan risiko keselamatan ICT; f. Melaksanakan pengauditan, mengkaji semula, merumus tindak balas pengurusan berdasarkan hasil penemuan dan menyediakan laporan mengenainya; g. Memberikan amaran kepada agensi terhadap kemungkinan berlakunya ancaman keselamatan ICT seperti virus dan penggadam serta memberi khidmat nasihat dan bantuan teknikal bagi menyediakan langkah perlindungan yang bersesuaian; h. Melaporkan insiden keselamatan ICT kepada pengurusan INSTUN; i. Bekerjasama dengan semua pihak yang berkaitan dalam menangani ancaman atau insiden keselamatan ICT dan memperakukan langkah penyelesaian atau pencegahan; dan j. Memberi perakuan tindakan tatatertib ke atas pengguna yang melanggar PKS INSTUN.	Ketua Program Seksyen Perkhidmatan Teknikal dan Rangkaian, BTM
---	---	---	--

4	Pengurus ICT	a. Memastikan kajian semula dan pelaksanaan kawalan keselamatan ICT selaras dengan keperluan INSTUN; b. Melaporkan ancaman atau insiden keselamatan ICT kepada ICTSO; c. Menentukan kawalan capaian pengguna terhadap aset ICT; dan d. Memastikan penyimpanan rekod, bahan bukti dan laporan ancaman atau insiden keselamatan ICT NRES dilaksanakan dengan berkesan.	Ketua Program Seksyen Pembangunan Sistem dan Multimedia, BTM
5	Pentadbir Sistem ICT	a. Menjaga kerahsiaan maklumat keselamatan ICT; b. Mengambil tindakan segera apabila dimaklumkan mengenai sebarang perubahan pengguna dalaman/ luaran / asing berkaitan pengurusan ICT; c. Menentukan pelaksanaan tahap capaian kemudahan ICT adalah bertepatan dengan arahan pemilik maklumat; d. Memantau dan menyediakan laporan aktiviti penggunaan dan capaian pengguna; e. Mengenal pasti dan melaporkan aktiviti tidak normal berkaitan ICT kepada Pengurus ICT; dan f. Menyimpan dan menganalisis rekod jejak audit.	a. Pen Ketua Program Unit Rangkaian dan Keselamatan, BTM b. Pen Ketua Program Unit Operasi Bantuan Teknikal, BTM c. Pen Ketua Program Unit Pembangunan Sistem, BTM d. Pen Ketua Program Unit Sistem Sokongan dan Multimedia, BTM

6	Jawantankuasa Pemandu ICT (JPICT)	a. Menetapkan arah tuju dan strategi untuk pelaksanaan ICT Institut Tanah dan Ukur Negara b. Merancang, mengenal pasti dan mencadangkan sumber seperti kepakaran, tenaga kerja dan kewangan yang diperlukan bagi melaksanakan arah tuju dan strategi ICT Institut Tanah dan Ukur Negara c. Merancang dan menyelaras pelaksanaan program/projek-projek ICT Institut Tanah dan Ukur Negara supaya selaras dengan Pelan Strategik Pendigitalan INSTUN; d. Menyelaras dan menyeragamkan pelaksanaan ICT di INSTUN dengan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam dan NRES; e. Mempromosi dan melaksanakan perkongsian pintar projek ICT di INSTUN; f. Merancang dan menentukan langkah-langkah keselamatan ICT; g. Mengikuti dan memantau perkembangan program ICT INSTUN serta memahami keperluan, masalah dan isu-isu yang dihadapi dalam pelaksanaan ICT; h. Menilai dan memberi kelulusan teknikal semua perolehan ICT di INSTUN berdasarkan kepada keperluan sebenar dengan perbelanjaan yang berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkaitan; i. Menyelaras dan mengemukakan kertas cadangan perolehan ICT bagi INSTUN kepada urus setia JPICT NRES dan/atau JTICT untuk kelulusan teknikal; j. Mengemukakan laporan projek ICT yang diluluskan di peringkat JPICT INSTUN/ NRES dan dibuat perolehan kepada urus setia JPICT NRES; dan	a. Pengarah INSTUN (Pengerusi) b. Ketua Pegawai Digital (<i>Chief Digital Officer</i> (CDO) INSTUN; c. Ketua - ketua Bahagian; d. Pegawai Keselamatan ICT (ICTSO) INSTUN; dan e. Pegawai-pegawai lain yang berkaitan. f. Pen. Ketua Program Kanan, Seksyen Khidmat Pengurusan Dan Latihan, BTM (Urusetia)
---	--	--	--

		k. Mengemukakan laporan kemajuan projek ICT INSTUN yang telah diluluskan kepada urus setia JPICT NRES / INSTUN mengikut tempoh-tempoh yang telah ditetapkan	
7	Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT)	a. Menilai dan memperakukan spesifikasi teknikal perolehan ICT secara terperinci kepada Jawatankuasa Pemandu ICT; b. Menilai dan memperakukan perolehan ICT INSTUN berdasarkan kepada keperluan sebenar dengan perbelanjaan yang berhemah serta mematuhi peraturan semasa yang berkaitan; dan c. Memantau dan melaporkan kemajuan pelaksanaan projek ICT kepada JPICT INSTUN	a. Ketua Bahagian BTM (Pengerusi) b. Ketua Program Seksyen Perkhidmatan Teknikal dan Rangkaian, BTM; c. Ketua Program Seksyen Pembangunan Sistem dan Multimedia, BTM; d. Pegawai Keselamatan ICT (ICTSO) INSTUN; dan e. Pegawai-pegawai lain yang berkaitan. f. Pen. Ketua Program Kanan, Seksyen Khidmat Pengurusan dan Latihan, BTM (Urusetia)
8	Jawatankuasa Keselamatan ICT	a. Menentukan keperluan dan bertanggungjawab ke atas perkara berkaitan dengan keselamatan ICT INSTUN; b. Membangun dan menyelaraskan pelaksanaan program kesedaran dan latihan keselamatan ICT; c. Merancang, melaksana, mengurus dan memantau program keselamatan ICT INSTUN; d. Menguatkuasakan Polisi Keselamatan Siber (PKS); e. Memberikan penerangan dan pendedahan berkenaan PKS INSTUN kepada pengguna; f. Mewujudkan garis panduan dan prosedur selaras dengan keperluan PKS INSTUN;	a. Pegawai Keselamatan ICT (ICTSO) INSTUN; b. Ketua Unit BTM; c. Wakil-wakil Bahagian; dan d. Pegawai-pegawai lain yang berkaitan. e. Bahagian Teknologi Maklumat (Urusetia)

		g. Menyelaras, melaksana dan memantau pengurusan keselamatan ICT INSTUN; dan h. Melaporkan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan keselamatan ICT kepada JPICT INSTUN.	
9	Jawatankuasa Pengurusan Maklumat	a. Bertanggungjawab ke atas bidang kuasa Jawatankuasa Induk Pengurusan Portal/Laman Web; b. Menetapkan dasar, mekanisme dan pengurusan Portal/Laman Web; c. Menentukan dasar penyampaian perkhidmatan/maklumat melalui Portal/Laman Web; d. Menentukan keperluan kajian semula kandungan utama Portal/Laman Web; e. Mengesahkan konsep reka bentuk dan susun atur Portal/Laman Web; f. Mengesahkan keperluan-keperluan infrastruktur dan sokongan teknikal bagi Portal/Laman Web; g. Menyelesaikan isu-isu dan masalah berkaitan Portal/Laman Web; h. Merancang dasar, strategi dan pelan tindakan pengurusan maklumat INSTUN; i. Menyelaras, melaksana dan memantau pengurusan maklumat INSTUN; dan j. Melaporkan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan pengurusan maklumat dan Portal/Laman Web INSTUN kepada JPICT INSTUN.	a. Ketua Pegawai Digital (<i>Chief Digital Officer</i> (CDO) (Pengerusi) b. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Pengurusan Portal / Laman Web; c. Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Portal / Laman Web; d. Pegawai Perhubungan Awam; dan e. Pegawai-pegawai lain yang berkaitan f. Bahagian Teknologi Maklumat (Urusetia)
10	Jawatankuasa Pengurusan Portal/Laman Web	a. Menyedia dan mengemas kini kandungan portal/laman web INSTUN. b. Menyediakan khidmat maklum balas kepada pertanyaan pengguna portal/laman web INSTUN.	a. Pegawai Perhubungan Awam (Pengerusi) b. Wakil-wakil Bahagian

		d. Melaksanakan kaji selidik kepuasan pengguna terhadap portal/laman web INSTUN. e. Membangunkan portal/laman web berdasarkan ciri-ciri reka bentuk, kefungsian dan kandungan yang ditetapkan dalam panduan pengurusan portal/laman web. f. Membuat kajian semula kandungan, susun atur dan reka bentuk dan portal/laman web kementerian/negeri berdasarkan ketetapan dan keperluan semasa. g. Mengesyorkan konsep reka bentuk dan susun atur portal/laman web kepada Jawatankuasa Induk portal/laman web INSTUN. h. Melapor prestasi dan kemajuan pengurusan portal/laman web agensi kepada Jawatankuasa Induk Portal/Laman Web Kementerian.	
11	Jawatankuasa Teknikal Portal/Laman Web	a. Membuat perancangan perolehan perkakasan dan perisian bagi pembangunan dan pengoperasian portal/laman web INSTUN. b. Membangun dan menyenggara portal/laman web INSTUN. c. Memastikan kapasiti perkakasan dan perisian yang mencukupi untuk menampung operasi portal/laman web INSTUN. d. Memastikan portal/laman web memenuhi tahap keselamatan yang ditetapkan bagi mengelakkan berlakunya pencerobohan. e. Memantau prestasi infrastruktur dan teknologi ICT yang diguna pakai bagi menjamin ketersediaan portal/laman web INSTUN. f. Melapor prestasi teknikal pengurusan portal/laman web kepada Jawatankuasa Induk Pengurusan Portal/Laman Web Kementerian.	a. Ketua Program Seksyen Pembangunan, Sistem dan Multimedia, BTM (Pengerusi) b. Ketua Seksyen / Unit BTM; dan c. Wakil-wakil lain yang berkaitan

		g. Menyediakan khidmat bantuan teknikal kepada pengguna yang menghadapi masalah semasa menggunakan portal/laman web INSTUN.	
12	Jawatankuasa CSIRT	a. Menerima dan mengesan aduan keselamatan ICT dan menilai tahap dan jenis insiden; b. Merekod dan menjalankan siasatan awal insiden yang diterima; c. Menangani tindak balas (<i>response</i>) insiden keselamatan ICT dan mengambil tindakan baikpulih minima; d. Menghubungi dan melaporkan insiden yang berlaku kepada Jawatankuasa Keselamatan ICT peringkat NRES dan Nasional Cyber Security Agency (NACSA) sama ada sebagai input atau untuk tindakan seterusnya; dan e. Menjalankan penilaian untuk memastikan tahap keselamatan ICT dan mengambil tindakan pemulihan atau pengukuhan bagi meningkatkan tahap keselamatan infrastruktur ICT supaya insiden baru dapat dielakkan	a. Ketua Program Seksyen Perkhidmatan Teknikal dan Rangkaian, BTM b. Pen Ketua Program Unit Rangkaian dan Keselamatan, BTM c. Penyelaras Program Unit Teknikal dan Rangkaian, BTM

Senarai Edaran

1. Pendaftar
Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan
2. Ketua Bahagian
Bahagian Teknologi Maklumat
3. Ketua Bahagian
Bahagian Ukur Dan Pemetaan
4. Ketua Bahagian
Bahagian Pengurusan Dan Perundangan Tanah
5. Ketua Bahagian
Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan
6. Ketua Program
Seksyen Perkhidmatan Teknikal Dan Rangkaian
7. Ketua Program
Seksyen Pembangunan Sistem Dan Multimedia
8. Pegawai Perhubungan Awam
Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan
9. Penolong Ketua Program Kanan
Seksyen Khidmat Pengurusan Dan Latihan
10. Penolong Ketua Program
Unit Sistem Sokongan dan Multimedia, BTM
11. Penolong Ketua Program
Unit Pembangunan Sistem, BTM
12. Penolong Ketua Program
Unit Operasi dan Bantuan Teknikal, BTM
13. Penolong Ketua Program
Unit Rangkaian Dan Keselamatan, BTM
14. Penyelaras Program Kanan
Unit Sistem Sokongan, BTM
15. Penyelaras Program
Unit Rangkaian Dan Keselamatan, BTM

